



SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

BILANGAN 4/2016

Kepada:

**Semua Pengurus syarikat / firma, para Majikan,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Per:

**PERUBAHAN POLISI DAN TATACARA PEMBAYARAN
WANG TARUHAN PEKERJA ASING**

Dalam usaha Jabatan Buruh untuk mendokong hasrat dan misi Kerajaan Negara Brunei Darussalam untuk mewujudkan suasana '*pro business*' dan meningkatkan lagi komitmen dalam memperbaiki iklim perniagaan secara berterusan ('*ease of doing business*'), beberapa perubahan dan tatacara dalam pembayaran wang taruhan pengambilan pekerja asing telahpun dibuat, yang mana adalah diharap ianya dapat mengurangkan beban majikan dalam mendatangkan pekerja asing. Adapun perubahan-perubahan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- i- Menggunakan Jaminan Insurans / Takaful Pekerja Asing (JITPA) bagi pembayaran wang taruhan pekerja asing selain secara tunai dan dengan jaminan bank (seperti lazimnya dibuat pada masa ini); dan
- ii- Kadar wang taruhan pengambilan pekerja asing diturunkan kepada kadar yang lebih rendah dan berpatutan.

Dalam hubungan ini, sukacita memaklumkan bahawa perubahan dan tatacara dalam pembayaran wang taruhan ini **akan dikuatkuasakan bermula pada hari Khamis, 01hb September 2016**. Oleh yang demikian, setiap majikan yang mengambil pekerja asing adalah dikehendaki untuk mengambil maklum dan perhatian mengenai dengan perkara-perkara seperti berikut:



- (i) Bagi pembayaran wang taruhan pekerja asing untuk syarikat (BUR500 dan Kebenaran Khas), majikan boleh membayar dengan kaedah seperti berikut:
- Tunai;
 - Jaminan bank;
 - Jaminan insurans / takaful pekerja asing (JITPA)
- (ii) Manakala, bagi pembayaran wang taruhan pekerja asing untuk perkhidmatan rumahtangga persendirian, cara pembayaran wang taruhan masih dikekalkan iaitu seperti berikut:
- Tunai;
 - diberikan pengecualian dari membayar wang taruhan sahaja (khusus untuk pegawai-pegawai Kerajaan sahaja).
- (iii) Kadar wang taruhan pengambilan pekerja asing juga diturunkan kepada kadar yang lebih rendah dan berpatutan iaitu seperti berikut:

NO	NEGARA	KADAR LAMA	KADAR BARU
01	Malaysia, Indonesia, Philippines, Thailand, Singapore.	\$600	\$500
02	Myanmar, Laos, Cambodia, Vietnam	\$900	\$700
03	India, Bangladesh, Pakistan, China, Sri Lanka, Japan, Nepal, Taiwan.	\$1800	\$1600
04	Australia, New Zealand	\$2600	\$2000
05	Mauritius, Seychelles, Fiji, Kiribati dan negara-negara benua Ocenia.	\$2600	\$2600 (tidak ada perubahan)
06	United Kingdom, France, Germany, Italy dan negara-negara di benua Eropah.	\$3500	\$3300
07	Negara-negara di kawasan Asia Tengah, benua Amerika Utara, Amerika Selatan dan Afrika.	\$4500	\$4000



- (iv) Bermula pada 1 September 2016 juga, setiap permohonan sokongan pas kerja (BUR500) / kebenaran khas, yang telah mendapat kebenaran dari Jabatan Buruh, permohonan pembayaran wang taruhan boleh dibuat seperti berikut:
- Majikan boleh membayar secara tunai dengan menggunakan kadar wang taruhan yang baru; ataupun
 - Majikan boleh membayar menggunakan Jaminan Insurans / Takaful Pekerja Asing.
- (v) Bagi permohonan pembayaran menggunakan jaminan bank yang dihadapkan kepada pihak Bank bermula pada 1 September 2016, pihak bank bolehlah menggunakan kadar wang taruhan yang baru.
- (vi) Begitu juga dengan pembayaran wang taruhan pengambilan pekerja asing untuk perkhidmatan rumahtangga persendirian, bermula 1 September 2016, jumlah wang taruhan boleh dibayar dengan kadar wang taruhan yang baru.
- (vii) Para majikan yang menggaji dan mengambil pekerja asing (khas untuk syarikat sahaja) bolehlah menghubungi operator insurans / takaful yang berdaftar di negara ini bagi mengetahui dengan lebih lanjut mengenai produk jaminan insurans / takaful pekerja asing. Pada masa ini, syarikat insurans / takaful yang mengeluarkan produk tersebut adalah Syarikat Takaful Brunei Am Sdn Bhd (TBA).
- (viii) Adapun kedudukan wang taruhan yang telah dibayar oleh majikan sebelum ini yang telah disimpan di dalam akaun Kerajaan, pengeluaran wang taruhan tersebut akan diproses seperti berikut;
- Wang taruhan hanya akan dikembalikan semula kepada majikan (syarikat) apabila majikan telah membeli jaminan insurans / takaful pekerja asing (JITPA) dan setelah lesen kuota diperbaharui.
 - Bagi majikan yang ingin untuk menuntut balik baki wang taruhan disebabkan oleh penurunan kadar, permohonan 'refund' akan dibukakan bermula **09 Januari 2017**, selepas majikan membaharui permohonan lesen kuota. Majikan juga boleh mengekalkan wang taruhan tersebut di dalam simpanan Kerajaan dan menuntut balik apabila lesen kuota dibatalkan.



Untuk sebarang penerangan lanjut mengenai perubahan dalam pembayaran wang taruhan ini, para majikan dan pihak-pihak yang berkepentingan bolehlah menghubungi Unit Kewangan, Jabatan Buruh di talian 2382703 dan 2380256 ext 2300, 2301 dan 2302 ataupun berkunjung ke Unit Kewangan Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Buruh.

Sekian dimaklumkan mengenainya.

“ Perubahan Menjana Transformasi Perkhidmatan Awam ”

Dengan hormat,

[ZULHILMI BIN HAJI ABIDIN]
Pmk Pesuruhjaya Buruh
Negara Brunei Darussalam



Tarikh: 05 Zulkaedah 1437H / 8 Ogos 2016 (Isnin)
Ruj. Fail: PJB/3000/186